

## *Lantikan Mahathir, Musa kena pada tempatnyanya*

KUALA LUMPUR, Khamis. — Pemilihan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam sebagai Presiden dan Timbalan Presiden UMNO yang baru disifatkan oleh sebuah majalah antarabangsa berbahasa Inggeris sebagai cocok dan yang terkuat pernah terpilih memegang teraju pemerintahan negara.

Keluaran terbaru *Asiaweek* yang memaparkan wajah bakal Perdana Menteri Malaysia itu sebagai hiasan muka depannya juga mensifatkan pemilihan kedua-dua tokoh tersebut sebagai mencerminkan hasrat dan kepercayaan parti kepada golongan muda.

Menurut majalah itu, kedua mereka pernah mencabar ketokohan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman, tidak lama selepas tragedi 13 Mei 1969.

"Tidak sabar untuk bertindak menyeimbangkan keadaan ekonomi negara bagi menjamin kepentingan orang-orang Melayu, kedua-dua mereka menggesa 'golongan lama' supaya mengambil langkah-langkah lebih berani.

"Kedua-dua mereka kemudian dipecat kerana tindakan mereka," jelas salah satu dari petikan majalah itu.

No.

No.